



**MINIT MESYUARAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

TARIKH : 22 November 2007 (Khamis)
MASA : 9:30 pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Perpustakaan
Aras 4, Blok Podium 1B, Wisma Tani, Putrajaya
TAJUK : Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Kemerossotan Tanah
(*Technical Working Group-TWG for Land Degradation*)
untuk Projek *National Capacity Needs Self Assessment*
(NCSA) for *Global Environment Management Bil. 3/2007*

KEHADIRAN:

1. En Muhammad Salimi Sajari - Pengerusi
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia
2. Y. Bhg. Dato' Shahrudin Mohamad Ismail
LESTARI, UKM
3. En. Sebastian Chen
Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak
4. Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
5. Pn. Siow Suan Neo
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
6. Dr. Zainab Zubir
Jabatan Alam Sekitar
7. Pn. Anita Ainan
Jabatan Pengairan dan Saliran
8. En. Mohd. Yusoff Baharum
Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
9. V. Jeyanny Vijayanathan
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

10. En. Denamany G.
Lembaga Koko Malaysia
11. Pn. Zakiyyah Jasni
Jabatan Pertanian
12. En. Ismail Abu Bakar
Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI)
13. En. David Lee
Penyelaras Projek NCSA
14. En. Lee Kian Foh
Pakar Kebangsaan NCSA/Konsultan
15. Tuan Hj Othman Saad
Bahagian Khidmat Sokongan dan Pembangunan Industri
16. Ir. Haji Daud Mohd Lep
Bahagian Pengaliran dan Saliran Pertanian
17. Cik Maizatul Nasyira Mohd Suratin
Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan

Urus setia

Cik Esther Lew
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

En. Zulkifli Bin Yaacob
Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Wakil Malaysian Palm Oil Board

Wakil Lembaga Getah Malaysia

Wakil Timber Industry Board

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)

Wakil Jabatan Pertanian Sabah

Wakil Jabatan Pertanian Sarawak

Wakil UPEN Sabah

Wakil Kementerian Perancangan & Pengurusan Sumber (MPRM) Sarawak

Wakil Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak

Wakil Jabatan Perhutanan Sabah

Wakil Jabatan Perhutanan Sarawak

Wakil Pejabat Hasil Bumi Sabah

Wakil Jabatan Pengurusan Tanah, UPM

Wakil Kementerian Perusahaan, Perlandangan dan Komoditi

Wakil Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.
- 1.2 Beliau seterusnya memaklumkan bahawa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ini adalah mesyuarat siri ke-3 bagi projek ini.
- 1.3 Beliau memaklumkan bahawa mesyuarat hari ini bertujuan untuk melihat kemajuan pelaksanaan projek NCSA bagi *United Nations Convention to Combat Desertification* (UNCCD) dan juga mendapatkan maklum balas dan pandangan ahli-ahli mesyuarat berkenaan draf laporan awalan "Stocktaking Report" yang telah disediakan oleh Pihak Konsultan.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 2/2007

- 2.1 Mesyuarat mengesahkan minit mesyuarat Bil.2 tanpa sebarang pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Laporan Kebangsaan kepada UNCCD tahun 2006

3.1.1 Mesyuarat bersetuju untuk menggunakan hasil kajian ini sebagai input untuk penyediaan laporan negara kepada UNCCD pada tahun 2008.

Makluman

3.1.2 Mesyuarat telah mengambil maklum bahawa penyelarasan laporan kebangsaan bagi tahun 2008 akan dilakukan sama ada melalui Jawatankuasa-jawatankuasa sedia ada dalam Kementerian ataupun melalui Jawatankuasa-jawatankuasa yang bersesuaian.

Makluman

3.2 Stocktaking oleh Jabatan/Agensi

3.2.1 Mesyuarat mengambil makluman bahawa draf awalan "Stocktaking Report" telah disiapkan dan diedarkan kepada ahli-ahli mesyuarat ini.

Makluman

3.2.2 Mesyuarat telah dimaklumkan oleh pihak Konsultan bahawa proses "stocktaking" telah diadakan di Pahang, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak.

Makluman

4. PEMBENTANGAN DRAF AWALAN "STOCKTAKING REPORT"

4.1 Konsultan telah membentangkan draf awalan "Stocktaking Report" dan memaklumkan bahawa proses "stocktaking" ini merupakan proses untuk mengetahui keupayaan jabatan dan agensi dalam melaksanakan komitmen di bawah UNCCD. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai dokumen rujukan dalam jabatan/agensi bagi isu-isu pembangunan keupayaan bagi UNCCD.

Makluman

4.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa objektif untuk "Stocktaking Report" ini adalah untuk menilai pelaksanaan negara dan menangani isu "desertification" atau "penggurunan". Ini termasuk langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan melalui akta-akta, polisi-polisi dan program-program yang berkaitan dengan kemerosotan tanah yang akan dijadikan input untuk menyempurnakan "stocktaking report" ini.

Makluman

4.3 "Stocktaking Report" ini di bahagikan kepada empat perkara iaitu;

- i. National Policy Framework
- ii. Legal Framework (Laws and Regulations)
- iii. Institutional Framework
- iv. Implementation Agencies

Makluman

4.4 Penemuan awalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Hal-hal mengenai perhutanan dan tanah adalah di bawah pentadbiran kerajaan negeri.
- ii. Isu-isu "land degradation" diajukan secara tidak langsung melalui dasar-dasar pemeliharaan dan pemuliharaan perhutanan, kawasan tinggi, kemerosotan tanah, pengurusan sumber air, sumber persisiran pantai dan pengurusan alam sekitar yang terkandung dalam polisi pembangunan seperti RMK 9, DPN 3, NPP, NUP dan NEP. Ia biasanya dilaksanakan dalam konteks perancangan kegunaan tanah dan "land-use best practices".
- iii. Isu mengenai "land degradation" juga terdapat dalam pelaksanaan CBD dan UNFCCC.
- iv. Dari segi pelaksanaan di Semenanjung Malaysia, isu "land degradation" ini dipantau mengikut sektor atau jabatan/agensi berkaitan.
- v. Malaysia tidak mempunyai pelan tindakan yang bersepadu yang merangkumi pelaksanaan usaha menangani kemerosotan tanah di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak.
- vi. Memandangkan "land degradation" bukan merupakan masalah yang serius kepada negara, tiada pembiayaan khusus yang dibuat bagi "capacity building" bagi perkara ini.

Makluman

4.5 Konsultan seterusnya memaklumkan bahawa borang soal selidik untuk mengkaji isu keupayaan di peringkat "systemic", "institutional" dan "individual" akan diedarkan kepada ahli-ahli mesyuarat. Hasil daripada borang soal selidik tersebut akan digunakan sebagai maklumat untuk "Stocktaking Report".

Makluman

5. PERBINCANGAN

5.1 Pelaporan draf awalan "Stocktaking Report"

5.1.1 Wakil UPEN Sarawak membangkitkan bahawa "land degradation" bukan merupakan masalah utama yang dihadapi negara dan perkara ini perlu diperjelaskan dalam laporan kajian ini. Beliau turut memaklumkan bahawa kajian ini perlu mengambil kira perbezaan daripada segi dasar dan pelaksanaan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tindakan : Konsultan

5.1.2 Tuan Pengerusi bersetuju dengan pandangan wakil UPEN Sarawak, namun beliau berpendapat bahawa "Stocktaking Report" ini tidak perlu dibahagikan kepada Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Tindakan : Konsultan

5.1.3 Wakil Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memaklumkan bahawa di bawah Pelan Fizikal Negara yang merangkumi isu "land degradation", sebaliknya ia lebih tertumpu kepada isu "land conservation" dan pembangunan mapan.

Makluman

5.1.4 Wakil Jabatan Alam Sekitar mencadangkan agar ahli dalam Jawatankuasa Teknikal ini perlu merangkumi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (KSAAS) serta jabatan/agensi yang berkaitan. Pihak Urusetia memaklumkan bahawa keahlian Jawatankuasa ini merangkumi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar namun wakil daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak hadir. Namun Urusetia akan mengkaji semula perwakilan dalam Jawatankuasa ini dan akan menjemput jabatan/agensi yang berkaitan ke mesyuarat yang akan datang.

Tindakan : Urusetia

5.1.5 Wakil Jabatan Alam Sekitar telah mencadangkan agar perwakilan ke mesyuarat ini dapat ditetapkan bagi menjamin kesinambungan dalam perbincangan mesyuarat. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan beliau dan Pihak Urusetia akan mengemukakan surat lantikan semula ahli tetap dan ahli ganti mesyuarat ini.

Tindakan : Urusetia

5.1.6 Mesyuarat telah membincangkan senarai akta-akta yang dimuatkan dalam laporan kajian dan bersetuju agar penyelidikan terperinci mengenai akta-akta berkaitan perlu dilakukan. Oleh yang demikian mesyuarat bersetuju agar setiap jabatan/agensi memberikan maklumat berkaitan melalui format yang akan dikeluarkan oleh Pihak Urus setia.

Tindakan : Jabatan/Agensi

5.1.7 Wakil UPEN Sarawak turut memaklumkan bahawa akta-akta yang berkaitan bagi untuk Negeri Sarawak telah dikenal pasti dan akan diberikan kepada Konsultan sebelum mesyuarat akan datang.

Tindakan : UPEN Sarawak

5.1.8 Pihak Konsultan telah memaklumkan bahawa penyemakan semula akta-akta akan dilaksanakan selepas menerima maklum balas daripada jabatan/agensi yang terlibat.

Makluman

5.1.9 Mesyuarat turut membincangkan penggunaan bahasa dalam pelaporan kajian ini yang mungkin akan menimbulkan salah faham bahawa Malaysia tidak komited dalam memenuhi tanggungjawab konvensyen ini. Oleh yang demikian, mesyuarat mencadangkan agar Konsultan dapat melihat semula penggunaan bahasa dalam pelaporan ini agar dapat memberikan gambaran yang positif terhadap negara.

Tindakan: Konsultan

5.2 Definisi "LAND DEGRADATION"

5.2.1 Wakil INTAN memaklumkan mesyuarat bahawa memandangkan pengurusan bukan merupakan ancaman kepada negara, maka definisi kemerosotan tanah yang diguna pakai bagi konteks kerja ini perlu ditetapkan dan dipersetujui oleh semua ahli mesyuarat. Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut. Memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merupakan "focal point" bagi perjanjian ini, maka Kementerian ini akan menetapkan definisinya bagi konteks Malaysia.

Tindakan: Urusetia

5.3 Soal Selidik kapasiti dalam “systemic”, “institutional” dan “individual” dalam isu “land degradation”

- 5.3.1 Ahli-ahli mesyuarat berpendapat bahawa soal selidik mengenai perkara ini tidak dapat dilakukan kerana tiada definisi “land degradation” bagi konteks perundangan. Oleh yang demikian soal selidik ini hanya akan dilakukan selepas definisi “land degradation” ditetapkan.

Makluman

6. PENUTUP

- 6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1:15 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi.

Disediakan oleh:
Unit Pembangunan Mapan
Bahagian Strategik & Antarabangsa
Kem. Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Disember 2007